



## TEKS UCAPAN

**YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH  
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

## SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN MALAYSIA GOOD DESIGN MARK 2015  
“PENGIFTIRAFAN PRODUK TERBAIK REKAAN TEMPATAN”**

**19 MEI 2016 (KHAMIS)  
SHAH ALAM CONVENTION CENTER, SHAH ALAM SELANGOR**

**(*Senarai akhir salutasi akan diberikan oleh MRM*)**

**YBHG. DATO’ SRI DR. NOORULAINUR MOHD. NUR  
Ketua Setiausaha MOSTI**

**YBHG. DATO’ PROF DR. AHMAD HAJI ZAINUDDIN  
Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia**

**YBHG. DATO’ DR. ZAINAL ABIDIN MOHD YUSOF  
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM**

**YBRS. PUAN FUTOM SHIKH JAAFAR  
Pengarah Kanan MRM**

**Wakil Pihak Industri Rekabentuk, Rakan-rakan Media,**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,**

**Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia & Salam 1MOSTI.**

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Rekabentuk Malaysia atau MRM kerana telah menjemput saya ke **Majlis Pengiktirafan Malaysia Good Design Mark 2015** yang berlangsung hari ini. Saya ingin memaklumkan bahawa YB Menteri MOSTI tidak dapat hadir untuk bersama-sama kita pada hari ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
2. Saya telah dimaklumkan bahawa Majlis pada hari ini diadakan untuk memberi pengiktirafan kepada syarikat-syarikat yang telah bergiat aktif dalam membangunkan rekabentuk produk buatan Malaysia. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada syarikat-syarikat yang bakal menerima pengiktirafan **Malaysia Good Design Mark 2015** pada petang ini dan berharap agar lebih banyak syarikat-syarikat dari pelbagai industri akan turut menyertai program **Malaysia Good Design Mark** pada tahun ini.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

3. Rekabentuk bukanlah sesuatu yang asing bagi kita semua. Setiap produk yang dikeluarkan untuk dipasarkan semestinya mempunyai suatu rekabentuk yang membezakan antara pengeluar dan segmen pasaran. Rekabentuk amat sinonim dengan terma “**baharu dan lama**” serta “**tradisional dan moden**”. Walau bagaimanapun, rekabentuk adalah suatu yang berubah secara dinamik dan pada masa ini, kita juga telah diperkenalkan dengan konsep “**Retro**”. Rekabentuk tradisional sering dikaitkan sebagai sesuatu yang kurang praktikal, besar, berat dan tidak efisien manakala rekabentuk moden digambarkan sebagai “*minimalist, sleek dan simple lines*”.
4. Rekabentuk bagi seseorang pengguna amatlah penting kerana ia akan dapat membantu pengguna untuk “**berinteraksi**” dengan produk berkenaan. Ini adalah kerana rekabentuk adalah berkaitan dengan “*consumer experience*”, “*aesthetics value*”, “*meaning*”, “*emotion*” dan “*psychology*”. Saya percaya contoh yang paling mudah untuk difahami adalah perbezaan yang ketara apabila kita memandu sebuah kereta mewah dengan sebuah kereta yang biasa. Oleh yang demikian, perbezaan rekabentuk biasanya memberi nilai yang berbeza kepada

pengguna dan selalunya digambarkan dengan perbezaan harga yang sanggup dibayar bagi sesuatu produk yang berjenama. Dalam erti kata lain, ***“Design contributes to product differentiation and hence price differentiation”***.

*Tuan-puan yang saya hormati sekalian,*

5. Tujuan saya menyentuh berkaitan konsep dan pemahaman mengenai rekabentuk adalah untuk menyatakan bahawa rekabentuk adalah suatu bidang yang amat penting kepada ekonomi bagi sesebuah negara. Secara fundamentalnya, rekabentuk seharusnya menyumbang kepada nilai tambah bagi sesuatu produk, peningkatan jualan kepada firma, peningkatan nilai eksport di samping turut menyumbang kepada penyediaan sumber pekerjaan.

6. Walau bagaimanapun, cabaran yang kini dihadapi adalah bagaimana untuk kita menentu ukur nilai-nilai tersebut. Ini disebabkan kerana data dan maklumat berkaitan rekabentuk masih sukar untuk diperolehi. Saya juga percaya klasifikasi industri rekabentuk masih perlu dikaji dan ditetapkan, sama seperti industri yang lain bagi membolehkan analisis dan pelaporan yang lebih tersusun dapat dilakukan berkaitan industri ini.

7. Justeru, saya mengharapkan ***Malaysia Good Design Mark 2015*** ini akan menjadi suatu platform untuk memperkenalkan secara lebih menyeluruh kepentingan rekabentuk kepada ekonomi negara. Melihat kepada jumlah penyertaan sebanyak 107 buah syarikat yang terdiri daripada pelbagai industri, saya amat berkeyakinan bahawa industri ini akan terus bergerak maju ke hadapan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada 21 buah syarikat serta 40 produk yang telah dipilih untuk menerima pengiktirafan ini kerana ianya merupakan satu peningkatan yang memberangsangkan jika dibandingkan pada tahun yang lalu.

*Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,*

8. **Malaysia Good Design Mark (MGDM)** yang kini telah memasuki tahun ke-19 merupakan pengiktirafan Kerajaan melalui MRM bagi rekabentuk produk yang berkualiti dan inovatif. Pengiktirafan sejak tahun 1997 ini adalah sebagai bukti bahawa usaha sektor industri dalam melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berterusan ke arah mempertingkatkan mutu kualiti dan rekabentuk produk.

9. Saya telah dimaklumkan bahawa sehingga kini sebanyak **468 buah syarikat** telah menerima **pengiktirafan Malaysia Good Design Mark** dan saya amat berharap agar inisiatif ini akan dapat dipergiatkan lagi oleh pihak MRM pada masa hadapan.

10. Selain ianya memberi pengiktirafan kepada reka bentuk bagi sesuatu produk, **Malaysia Good Design Mark** juga mengiktiraf sumbangan rekabentuk terhadap **designomics**, di mana industri rekabentuk berupaya untuk menjana keuntungan dari perniagaan. **Good Design Mark** juga akan memberi kelebihan kepada syarikat-syarikat tempatan dalam memasarkan produk-produk mereka ke peringkat antarabangsa.

11. Saya juga telah dimaklumkan bahawa penyertaan syarikat Bumiputera dalam **Malaysia Good Design Mark** pada awalnya tidak begitu memberangsangkan, namun begitu telah berlakunya peningkatan dalam 5 tahun kebelakangan ini, khususnya di kalangan syarikat industri mikro dalam kategori pembungkusan. Sehingga kini, sejumlah **80 buah syarikat bumiputera** telah menerima pengiktirafan **Malaysia Good Design Mark** dan sekalung ucapan tahniah saya ucapkan. Saya berharap **Malaysia Good Design Mark** akan dapat membantu industri untuk meningkatkan mutu rekaan produk keluaran tempatan agar ianya setanding dengan produk keluaran negara-negara maju dalam industri rekabentuk.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

12. Saya mengalu-alukan usaha MRM yang sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi rekabentuk di negara maju dalam bidang

rekabentuk seperti **Japan Institute of Design Promotion (JDP)**, **Korea Institute of Design Promotion (KIDP)**, **German Design Zentrum**, **Thailand Creative and Design Centre** dan sebagainya bagi memastikan kualiti produk yang menerima **Malaysia Good Design Mark** setaraf dengan *Good Design Award* yang lain di peringkat antarabangsa.

13. Melalui kerjasama strategik seperti ini, saya percaya MRM akan dapat menimba pengalaman daripada negara-negara tersebut. Perkongsian idea terutamanya dari negara-negara maju dalam bidang rekabentuk secara tidak langsung memberi manfaat kepada Malaysia dalam memastikan industri rekabentuk kita akan terus berkembang dengan lebih maju.

14. Kita seharusnya mencontohi Republik Korea yang merupakan antara negara yang telah membuktikan bahawa sumbangan yang signifikan oleh *designomics* kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada tahun 2015, ia telah menyumbang sebanyak 37.3 Bilion Korean Won (KRW) atau RM128.33 juta dalam KDNK negara tersebut.

15. Bagi merealisasikan matlamat ini, saya telah dimaklumkan bahawa MRM kini sedang merangka **Pelan Strategik 5 Tahun** bagi menjadikan rekabentuk sebagai salah satu agenda negara menjelang tahun 2020. Pelan Strategik ini akan memberi penekanan kepada hala tuju industri rekabentuk negara bagi memastikan industri rekabentuk dan kreatif berkembang maju serta mampu untuk menjadi satu industri yang akan dapat membantu untuk memberi nilai tambah kepada ekonomi negara.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

16. Pada kesempatan ini juga, saya ingin memaklumkan bahawa selaras dengan pengisytiharan **Malaysia Commercialization Year (MCY2016)** dalam Bajet 2016 yang kini diterajui oleh MOSTI, beberapa langkah yang proaktif telah dan sedang diambil dalam usaha untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti pengkomersialan hasil R&D, khususnya bagi penerima dana R,D&C MOSTI. Saya amat berharap

MRM akan memainkan peranan yang penting sebagai penyumbang kepada MCY2016 yang memfokuskan kepada aspek rekabentuk kerana ianya akan turut menyumbang ke arah pencapaian KPI bagi MCY2016 ini.

17. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua penerima **Malaysia Good Design Mark 2015**. Saya ingin menyeru agar lebih banyak industri pembuatan di Malaysia untuk menyokong usaha Kerajaan dan MRM bagi memperkasakan kualiti produk rekaan dan keluaran Malaysia melalui inovasi rekabentuk.

Sekian, terima kasih.